



**Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia
(MAQIS)**

PEMBERITAHUAN

Ruj. Kami : MAQIS.600-3/1/2 Jld.23 (68)
Tarikh : 10 Julai 2024

**Semua Pengeksport, Pemunya
dan Ejen**

Tuan,

**PEMAKLUMAN PENGECUALIAN CAJ PEMERIKSAAN EKSPORT BAGI IKAN YANG
DIPERIKSA DI SEMUA PINTU KELUAR BERDASARKAN PERATURAN – PERATURAN
PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (FI DAN CAJ) 2013
[P.U.(A) 115/2013], AKTA PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN
MALAYSIA 2011 [AKTA 728]**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti pihak tuan sedia maklum, Jabatan telah mengenakan caj pemeriksaan eksport bagi ikan yang diwartakan di bawah Peraturan-peraturan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Fi dan Caj) 2013 [P.U.(A). 115/2013]. Caj pemeriksaan eksport bagi ikan merujuk kepada bayaran yang dikenakan terhadap pengeksport bagi setiap konsainan yang diperiksa sebelum pengeksportan.

3. Sebagai langkah ke arah fasilitasi perdagangan khususnya dalam aktiviti pengeksportan, Jabatan telah **BERSETUJU** untuk mengecualikan caj pemeriksaan eksport bagi ikan yang diperiksa di semua pintu keluar yang akan berkuatkuasa mulai **1 Ogos 2024**.

Sekian, dimaklumkan. Terima kasih.

PENGUATKUASAAN BERINTEGRITI

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(SHAMSUL AKBAR BIN SULAIMAN)

Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia